



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

MENAMAKAN ANAK: PANDUAN DAN HUKUMNYA

(BILANGAN 253 BAHAGIAN PERTAMA)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Nama mempunyai nilai yang tinggi di sisi agama dan kehidupan seorang insan. Dengan nama itulah dia akan dikenali. Dengan nama itu jugalah dia akan dipanggil pada hari akhirat. Kerana itu nama bukan perkara kecil. Malahan ia boleh melibatkan hukum larangan jika nama yang diberikan itu tidak menepati ajaran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Nama juga merupakan simbol khusus yang dapat membezakan diri seseorang itu daripada orang lain. Bahkan dengan nama juga seseorang itu boleh dikenali agamanya, sama ada Islam ataupun bukan. Nama juga boleh mempengaruhi atau mencerminkan sifat dan keperibadian orang yang empunya nama. Oleh sebab itu, nama merupakan antara perkara yang terawal sekali diberi perhatian untuk anak yang baru lahir. Sejak anak damit masih dalam kandungan lagi para ibubapa sudah mencari dan merancang dengan teliti nama yang akan diberikan kepada anak mereka yang akan lahir.

Trend menamakan anak dengan nama-nama yang panjang lagi susah disebut eloklah difikirkan. Sebutan yang salah akan menukar makna nama tersebut kepada makna yang lain pula.

Oleh itu, Islam telah menyediakan panduan yang khusus dan hukum-hukum yang berkaitan dengan pemberian nama ini.

Waktu Yang Paling Afdhal Menamakan Anak

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab al-Adzkar, sunat diberikan nama kepada anak pada hari ketujuh ataupun pada hari kelahirannya berdasarkan hadits-hadits yang shahih dan harus menamakan anak sebelum atau selepas hari ketujuh.

Imam al-Bukhari *Rahimahullah* pula mengkhususkan waktu memberi nama ke atas anak pada hari kelahiran adalah bagi ibubapa yang tidak merancang untuk mengaqiqahkan anak mereka. Perkara ini berlaku kepada Ibrahim *Radhiallahu 'anhu* putera Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*, 'Abdullah bin az-Zubair *Radhiallahu 'anhuma* dan beberapa anak para sahabat yang lainnya. Sementara bagi ibubapa yang merancang untuk mengaqiqahkan anak mereka, sunat memberinya nama hingga ke hari yang ke tujuh. Pendapat ini disokong oleh Imam Ibnu Hajar al-Asqalaani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari.

Begitu juga sunat diberikan nama kepada anak damit yang meninggal sebelum sempat diberikan nama. Sunat juga diberikan nama kepada *as-siqth* iaitu kandungan yang gugur yang telah ditiupkan roh kepadanya menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah*. Jika belum dapat dikenal pasti jantina *as-siqth* itu sama ada lelaki atau perempuan, maka dinamakan dia dengan nama yang sesuai untuk keduanya seperti Hindun " " dan Thalhah " " .

Memilih Nama Yang Baik

Sunat menamakan anak dengan nama yang baik. Ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam Ahmad *Rahimahumallah* daripada Abu ad-Darda' *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: *“Sesungguhnya kamu akan dipanggil pada hari Kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, maka perelokkanlah nama-nama kamu.”*

(Hadits riwayat Abu Daud dan Ahmad)

Nama Yang Paling Disukai Oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*

Sebaik-baik nama dan yang paling disukai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah 'Abdullah " " dan 'Abdurrahman " " sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Ibnu Umar *Radhiallahu 'anhuma*, bahwasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: *“Nama-nama yang paling disukai di sisi Allah ialah 'Abdullah dan 'Abdurrahman.”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Sebaik-baik nama selepas nama 'Abdullah dan 'Abdurrahman ini pula ialah nama-nama 'Abd " " (hamba) yang disandarkan kepada nama-nama Allah yang sembilan puluh sembilan (*al-Asma 'al-*

Husna) seperti ‘Abdurrahim " ", ‘Abdulmalik " ", ‘Abdussalam " " dan yang seumpamanya. (Fatwa: 24/1984)

Menurut Imam al-Qurthubi *Rahimahullah*, nama-nama sebegini memiliki kelebihan, kerana ianya menggabungkan sifat-sifat yang wajib bagi Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dengan sifat yang wajib bagi manusia iaitu ‘*ubudiyyah* (penghambaan). Manakala nama Muhammad " " dan kemudian nama Ahmad " " pula adalah nama yang paling afdhal selepas nama-nama tersebut. (Fatwa: 24/1984)

Menggunakan Nama-Nama Para Nabi Dan Para Malaikat

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata bahawa menurut mazhab as-Syafi‘e dan jumbuh ulama, harus menamakan anak dengan nama-nama para nabi dan begitu juga nama-nama para malaikat.

Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah menyarankan untuk menamakan anak dengan nama para nabi. Ini jelas sebagaimana sabda Baginda:

()

Maksudnya: “*Bernamalah kamu dengan nama-nama para Nabi.*”
(Hadits riwayat Abu Daud)

Bahkan Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* sendiri telah menamakan putera Baginda sempena nama seorang nabi iaitu Nabi Ibrahim ‘*alaihissalam*. Diceritakan juga dalam kitab al-Adab al-Mufrad bahawa Baginda menamakan seorang sahabat Baginda sempena nama seorang nabi iaitu Nabi Yusuf ‘*alaihissalam*.

Abu Hurairah dan Jabir *Radhiallahu ‘anhuma* pula telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: “*Namakan (anak) kamu dengan namaku dan janganlah kamu menggelarnya dengan gelaranku.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menamakan anak dengan nama Muhammad mempunyai banyak kelebihan. Kata ulama: Bahkan nama Muhammad mengandungi beberapa kelebihan yang sangat tinggi, sayugia tiada kosong dari nama Muhammad itu di dalam sesuatu keluarga. (Fatwa: 66/91)

Imam asy-Syafi‘e *Radhiallahu ‘anhu* ketika menamakan anak beliau dengan nama Muhammad berkata: “Aku menamakannya dengan nama yang paling aku sukai.” Menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, maksud kata Imam as-Syafi‘e *Radhiallahu ‘anhu* “nama yang paling aku sukai” itu ialah nama yang paling disukainya selepas nama ‘Abdullah dan ‘Abdurrahman.

Perlu diingat, nama Muhammad itu nama yang baik lagi mulia. Oleh itu jangan dipotong-potong atau diringkaskan ejaannya sehingga menjadi seperti “Md.” atau “Mohd.”, kerana perbuatan itu tiada berkat dan kurang adab terhadap Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. (Fatwa: 66/1991)